



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22/7/2013

ADVERTORIAL

Biasiswa Tun Dr Mahathir; tanggungjawab sosial Kolej YPC bantu pelajar miskin di negara ini

UM - 22/7/2013

Kolej Teknologi YPC-ITWEB (Kolej YPC) selain memberi fokus kepada kecemerlangan pencapaian akademik turut memberi perhatian terhadap tanggungjawab sosial khususnya dalam soal kebajikan para pelajarinya.

Matlamatnya bagi memastikan pelajar-pelajar terutama daripada keluarga miskin atau yang kurang berkemampuan berpeluang melanjutkan pengajian di peringkat tinggi.

Untuk itu, Kolej YPC telah mengambil inisiatif menubuhkan **Biasiswa Tun Dr Mahathir** bertujuan memberi peluang kepada 300 pelajarinya mengikuti Kursus Foundation di kolej tersebut.

Biasiswa berjumlah RM8,600.00 akan diberikan kepada pelajar yang terpilih mengikuti Kursus Foundation yang akan bermula tahun ini.

Pelajar terbahit boleh mengikuti Kursus Foundation dalam beberapa bidang sebelum melanjutkan pengajian mereka ke peringkat ijazah dan sarjana muda.

Pelancaran Biasiswa Tun Dr Mahathir telah dilancarkan secara rasmi pada 6 Julai lalu bertempat di Kolej YPC, Taman Maluri, Cheras, Kuala Lumpur oleh bekas Perdana Menteri yang turut ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd. Ali.

Sempena dengan pelancaran biasiswa

tersebut, Pengerusi **Better Malaysia Foundation**, Tan Sri Vincent Tan mengambil inisiatif menyampaikan sumbangan sebanyak RM250,000.00 untuk tabung Biasiswa Tun Dr Mahathir.

Langkah **Better Malaysia Foundation** menghulurkan sumbangan membuktikan pelbagai pihak sewajarnya menyokong usaha murni yang dilakukan oleh YPC dalam usaha mempertingkatkan pembangunan sektor ilmu pendidikan di negara ini khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pengerusi Kolej YPC, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee memberitahu biasiswa tersebut akan ditawarkan setiap tahun kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan sederhana dan rendah tanpa mengira kaum.

"Keutamaan pemberian biasiswa tersebut disasarkan kepada pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan mesti mempunyai lima kredit dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2012," katanya.

Beliau menjelaskan, YPC membiayai 100 peratus biasiswa penuh serta menyediakan dua Kursus Foundation di bawah biasiswa tersebut iaitu Foundation In Business dan Foundation In IT.

Tambah Syed Ali, jika pelajar melanjutkan pengajian mereka di IPTS lain, kos yuran yang perlu mereka jelaskan untuk Kursus

Foundation adalah antara RM8,000 hingga RM30,000 tetapi di Kolej YPC menerusi pemberian biasiswa ini menjadikan yuran adalah percuma.

"Jadi, biasiswa yang diberikan itu akan meringankan beban ibu bapa di samping memberi peluang kepada anak mereka untuk meneruskan pengajian, inilah sebahagian daripada tanggungjawab sosial Kolej YPC untuk kepentingan masyarakat," tegasnya.

Selain itu katanya, kepada mana-mana pelajar yang ingin melanjutkan pengajian setelah lulus Kursus Foundation, mereka boleh meneruskannya di peringkat ijazah di Kolej YPC menerusi kursus berkembar **Liverpool John Moores Universiti (LJMU), United Kingdom**.

Empat bidang pengajian ditawarkan iaitu E-Business Technology, IT Multimedia, Pengurusan Perniagaan dan Akaun serta Kewangan.

Langkah mewujudkan Biasiswa Tun Dr Mahathir kata Syed Ali sebagai pemangkin kepada usaha berterusan Kolej YPC untuk mencemerlangkan pembangunan ilmu pendidikan tanpa batas sempadan kaum dan berusaha merealisasikan slogan *'kemiskinan bukan penghalang untuk maju'*.

Justeru itu kata beliau, Kolej YPC juga turut menawarkan **Biasiswa Utusan Malaysia-**



YPC untuk meletakkan hala tuju kolej ini sebagai kolej swasta terunggul dalam menerajui pendidikan berkualiti dengan yuran pengajian yang mampu dibayar oleh pelajar.

Sehingga kini Kolej YPC mempunyai sebanyak 1,500 pelajar yang mengikuti kursus dalam bidang seperti Pengurusan Perniagaan, Perakaunan dan Teknologi Maklumat serta Perkomputeran Multimedia.

Syed Ali turut memberitahu bahawa biasiswa dinamakan bersempena dengan nama Tun Dr Mahathir bertujuan menyuntik semangat para pelajar supaya terus cemerlang dan berfikir positif dengan menjadikan bekas Perdana Menteri itu sebagai sumber inspirasi.

"Pelajar kolej YPC perlu mencontohi kejayaan, kepimpinan dan daya juang Tun Dr Mahathir sebagai seorang tokoh terkemuka dunia, kejayaan itu boleh dijadikan pendorong untuk mereka turut mencipta kejayaan menerusi bidang pelajaran dan ilmu," katanya.

Malah Dr Mahathir sendiri menyifatkan

pelancaran biasiswa tersebut sebagai bukti bahawa peneraju dan pihak pengurusan Kolej YPC mempunyai nilai tanggungjawab murni dalam membantu anak bangsa menguasai pelbagai cabang ilmu pendidikan.

Beliau berbangga kerana Kolej YPC telah melaksanakan satu usaha murni dengan memberi peluang kepada pelajar-pelajar daripada golongan berpendapatan rendah tanpa mengira latar belakang budaya dan agama untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir menyeru pelajar Kolej YPC supaya sentiasa berdisiplin menuntut ilmu, cemerlang membentuk siasah diri di samping memiliki akhlak terpuji sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab kepada masa depan bangsa dan negara.

"Saya yakin pelajar Kolej YPC akan terus mencipta kejayaan di bawah pengurusan dan tenaga akademik yang bertanggungjawab di kolej ini," katanya ketika merasmikan pelancaran biasiswa berkenaan.

